

Headline	APA KATA NAJIB		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	1,2
ArticleSize	497 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,951		



Kenaikan tol, elektrik tidak dapat dielak

TEMERLOH - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kenaikan tarif elektrik dan tol tidak dapat dielakkan demi memelihara kestabilan ekonomi, tetapi kerajaan akan mencari jalan melindungi dan mengurangkan kesannya kepada rakyat.

"Jangan fikir kerajaan tidak prihatin kepada rakyat walaupun sekarang banyak bicara soal kenaikan tol, elektrik dan sebagainya. Sebenarnya perkara-perkara ini amat sukar untuk tidak dilaksanakan.

"Implikasi kalau tak dilaksanakan, boleh menjejaskan ekonomi negara. Rakyat akan tanggung kesusahan yang lebih (lagi) sebenarnya," kata perdana menteri semasa berucap

Headline	APA KATA NAJIB		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	1,2
ArticleSize	497 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,951		

pada majlis penyerahan bantuan mangsa banjir peringkat nasional dan penghargaan kepada para sukarelawan di Masjid Abu Bakar di sini, semalam.

Beliau memberi contoh kenaikan tol, dan menjelaskan bahawa satu mekanisme akan dibuat bagi mengurangkan bebanan.

“Kalau tol naik, mungkin ada kadar waktu puncak, atau pas bermusim, (dan) yang guna tiap-tiap hari, mungkin kita beri kadar lebih rendah dan murah. Ini semua kita (kerajaan) sedang tengokkan (fikirkan),” kata Najib

Perdana menteri berkata lebuh raya di negara ini yang berstatus negara maju memerlukan pembiayaan tertentu, dan tol perlu dinaikkan secara berperingkat dengan mengambil kira kesannya kepada rakyat.

Beliau juga menegaskan, pada hakikatnya, kerajaan masih menyediakan subsidi ber-

jumlah RM42 bilion untuk rakyat, jumlah peruntukan yang hampir bersamaan dengan peruntukan pembangunan berjumlah RM49 bilion. -Bernama



Najib bersalaman dengan para sukarelawan dan mangsa banjir pada Majlis Penyerahan Bantuan Mangsa Banjir Peringkat Nasional dan penghargaan di Temerloh semalam.